PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Ekonomi Malaysia terus tumbuh dengan mampan disokong oleh pertumbuhan kukuh sektor perkhidmatan yang berterusan, dan pertumbuhan sektor perlombongan dan pembinaan yang lebih tinggi

Ekonomi Malaysia terus tumbuh dengan mampan, dengan KDNK benar berkembang 5.7% pada suku kedua 2007. Pertumbuhan didorong terutamanya oleh prestasi kukuh sektor perkhidmatan dan turut disokong oleh pertumbuhan sektor perlombongan dan pembinaan yang lebih tinggi. Sektor perkhidmatan terus meraih manfaat daripada perbelanjaan yang ketara oleh pengguna dalam negeri dan pelancong serta aktiviti kewangan dan perniagaan yang bertambah giat berikutan pembangunan produk dan perkhidmatan baharu, kemasukan peserta baharu dan prestasi pasaran saham yang menggalakkan. Pertumbuhan sektor pembinaan terus meningkat disokong oleh permulaan projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan dan aktiviti dalam segmen bukan kediaman. Pertumbuhan sektor perlombongan pula disokong oleh pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi. Bagi dua suku berturut-turut, sektor perkilangan berkembang pada kadar sederhana disebabkan penurunan dalam permintaan luar terhadap keluaran E&E. Prestasi sektor pertanian terjejas akibat hasil minyak sawit yang lebih rendah kerana faktor berkaitan dengan cuaca.

KDNK Suku Tahunan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga tahun 2000[1]

	2006		2007		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	3.9	4.9	2.2	-0.9	0.6
Perlombongan	-1.1	-2.0	-0.6	7.7	3.5
Perkilangan	8.4	8.6	2.0	1.5	1.8
Pembinaan	-0.5	-1.2	4.0	4.8	4.4
Perkhidmatan	7.0	6.8	9.7	9.2	9.4
KDNK benar (Perubahan Tahunan)	**6.1**	**6.0**	**5.5**	**5.7**	**5.6**
KDNK benar (Perubahan Berbanding Suku Sebelumnya)	**2.8**	**0.2**	**-1.7**	**2.9**	**0.0**

[1]KDNK telah ditukar daripada harga tahun asas 1987 ke harga tahun asas 2000

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aktiviti sektor perkhidmatan kukuh…

Sektor perkhidmatan berkembang pada kadar pertumbuhan yang lebih ketara (9.2%), terutamanya didorong oleh perkhidmatan pengantara.

Subsektor **kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan** terus mencatat pertumbuhan dua angka pada suku kedua terutamanya kerana mendapat manfaat daripada pengenalan produk dan perkhidmatan perbankan dan kemasukan peserta baharu yang menghasilkan pendapatan berasaskan faedah dan pendapatan berasaskan fi yang meningkat. Pertumbuhan turut disokong oleh aktiviti perniagaan ekoran prestasi pasaran saham yang menggalakkan, permintaan terhadap perkhidmatan profesional daripada sektor pembinaan, dan

Prestasi Sektor Perkhidmatan (Nilai Ditambah pada harga tahun 2000)

	Bahagian 2006	2006		2007		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
	%	Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**42.8**	**6.7**	**6.0**	**13.4**	**11.6**	**12.5**
Pengangkutan, penyimpanan & komunikasi	14.2	6.2	5.4	5.4	8.6	7.0
Pengangkutan & Penyimpanan	*7.0*	*4.7*	*4.3*	*5.5*	*9.3*	*7.4*
Komunikasi	*7.2*	*7.6*	*6.5*	*5.3*	*8.0*	*6.6*
Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan	28.6	7.0	6.3	17.6	13.1	15.3
Kewangan & Insurans	*19.8*	*6.8*	*6.5*	*13.2*	*11.0*	*12.1*
Harta tanah & Perkhidmatan Perniagaan	*8.8*	*7.5*	*6.0*	*27.3*	*18.0*	*22.6*
Perkhidmatan Akhir	**57.2**	**7.2**	**7.4**	**6.8**	**7.4**	**7.1**
Elektrik, gas & air	5.9	4.9	4.7	4.3	4.5	4.4
Perniagaan borong & runcit, penginapan dan restoran	26.6	6.9	7.6	8.9	11.6	10.3
Perniagaan Borong & Runcit	*22.3*	*7.3*	*8.2*	*9.1*	*11.9*	*10.5*
Penginapan & Restoran	*4.2*	*4.9*	*4.4*	*8.1*	*10.3*	*9.2*
Perkhidmatan Kerajaan	13.6	10.7	10.4	6.0	2.8	4.3
Perkhidmatan lain	11.1	4.9	5.2	4.2	4.8	4.6
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**	**7.0**	**6.8**	**9.7**	**9.2**	**9.4**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2006	2007	
	S2	S1	S2
	Peratusan pada akhir tempoh (%)		
Kadar penembusan telefon bimbit	80.8	77.0	78.0
Kadar penembusan internet	14.0	14.0	14.2
Kadar penembusan jalur lebar	2.5	3.7	4.1
	Indeks		
Indeks Sentimen Pengguna MIER	104.2	124.1	115.9
Indeks Perdagangan Runcit MIER	81.5	118.8	129.5
Indeks Pasaran Pelancongan	110.0	133.8	131.6
	Perubahan tahunan (%)		
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	21.1	12.8	7.1
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, restoran & hotel	15.5	10.1	0.0
Import barangan penggunaan	12.8	8.9	1.3
Jumlah jualan kenderaan bermotor	-7.1	-15.5	-7.2
Kargo laut yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	13.9	18.5	12.2

Sumber: Pelbagai Sumber

Prestasi Sektor Perkilangan

	2006		2007		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga tahun 2000)	**8.4**	**8.6**	**2.0**	**1.5**	**1.8**
Pengeluaran Keseluruhan	**8.7**	**8.8**	**0.7**	**0.4**	**0.5**
Industri berorientasikan eksport	**9.6**	**10.2**	**-0.2**	**-1.7**	**-1.0**
Antaranya:					
Elektronik dan barangan elektrik	8.3	12.6	-5.5	-6.2	-5.9
Elektronik	12.4	17.5	-4.0	-4.5	-4.3
Barangan elektrik	-2.9	-0.3	-10.3	-11.3	-10.8
Bahan kimia dan keluaran kimia	10.8	8.3	7.3	1.4	4.3
Keluaran petroleum[1]	15.5	11.9	5.0	11.3	8.1
Tekstil, pakaian dan kasut	14.5	12.6	-10.4	-10.6	-10.5
Kayu dan keluaran kayu[2]	-1.3	0.9	1.6	3.8	2.7
Keluaran getah	8.6	0.4	16.9	3.2	9.7
Pemprosesan luar estet	7.2	1.4	-1.3	-12.9	-7.7
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**5.3**	**3.3**	**4.8**	**9.0**	**7.0**
Antaranya:					
Keluaran galian bukan logam	1.2	-1.9	-2.0	11.3	5.0
Besi & keluli dan logam bukan ferum	-4.1	-6.9	12.9	18.6	15.9
Makanan	3.7	1.1	16.2	8.6	12.2
Kelengkapan pengangkutan	3.9	5.3	-21.9	-14.9	-18.4
Keluaran logam yang direka	24.4	20.0	21.9	24.4	23.3
Jumlah Eksport Perkilangan	**10.0**	**10.3**	**1.4**	**-1.1**	**0.1**
Antaranya:					
Keluaran elektronik dan elektrik	5.6	6.9	-2.0	-6.7	-4.4
Bahan kimia dan keluaran kimia	9.9	1.3	33.8	13.3	22.9
Keluaran petroleum	39.0	39.6	-24.5	5.0	-9.4
Keluaran kayu	10.0	3.1	15.3	8.1	11.5
Barangan perabot	5.4	6.7	7.9	14.3	11.2
Keluaran getah	38.4	28.5	31.0	6.1	17.0

[1] Dalam Indeks Pengeluaran Perindustrian (2000=100) yang baru, LNG telah diklasifikasikan semula sebagai keluaran petroleum (sebelum ini diklasifikasikan sebagai bahan kimia dan keluaran kimia). Dengan itu, keluaran petroleum diklasifikasikan semula sebagai industri berorientasikan eksport
[2] Pengeluaran barangan perabot tidak termasuk dalam data pengeluaran kayu

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

minyak dan gas yang meningkat serta aktiviti dalam perkhidmatan IT yang bertambah. Subsektor **perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran** turut mencatat pertumbuhan kukuh berikutan pembelian oleh pengguna tempatan yang meningkat dan aktiviti pelancongan yang memberangsangkan sempena Tahun Melawat Malaysia 2007.

Pertumbuhan dalam subsektor **pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi** bertambah pesat pada suku kedua didorong pertumbuhan segmen telekomunikasi dan pengangkutan yang lebih kukuh. Peserta sektor telekomunikasi menjana hasil yang lebih tinggi khususnya daripada segmen mudah alih disebabkan permintaan yang kukuh terhadap perkhidmatan suara dan data, dan jumlah bilangan pelanggan yang lebih besar. Pertumbuhan turut disumbangkan oleh peningkatan dalam perkhidmatan Internet dan jalur lebar berikutan promosi besar-besaran oleh peserta industri untuk menambah jumlah bilangan pelanggan mereka. Peningkatan perjalanan udara, pengangkutan laut dan aktiviti berkaitan dengan pelabuhan telah menghasilkan pertumbuhan yang lebih tinggi bagi subsektor pengangkutan.

Pengembangan dalam sektor perkilangan didorong oleh industri berorientasikan dalam negeri…

Nilai ditambah **sektor perkilangan** mencatat pertumbuhan positif sebanyak 1.5% pada suku kedua 2007 (S1: 2%) mencerminkan kenaikan dalam pengeluaran industri berorientasikan dalam negeri, manakala industri berorientasikan eksport terjejas oleh penyusutan

Penggunaan Kapasti dalam Sektor Perkilangan *



* Mulai tahun 2004, penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2000 kepada nilai tambah tahun 2004

dalam permintaan luar terhadap produk elektronik, khususnya daripada pasaran AS.

Pengeluaran **industri berorientasikan eksport** merosot pada suku kedua (-1.7%; S1: -0.2%), sebahagian besarnya disebabkan kelemahan dalam industri E&E (-6.2%; S1: -5.5%). Kelemahan adalah ketara dalam segmen komputer dan komponen berikutan permintaan yang lembap khususnya dari AS. Namun, pengeluaran komponen separa konduktor mencatat peningkatan yang sederhana berikutan kenaikan dalam permintaan daripada kawasan di luar AS. Sementara itu, industri kimia dan keluaran kimia mencatat pertumbuhan sederhana pada suku kedua disebabkan pengeluaran produk plastik yang kembali ke paras biasa selepas peningkatan yang besar pada suku-suku sebelumnya. Industri ini disokong oleh pertumbuhan dalam segmen lain, iaitu gas perindustrian dan keluaran plastik berkaitan dengan pembinaan.

Pengeluaran **industri berorientasikan dalam negeri** meningkat (9%; S1: 4.8%), disokong oleh permintaan dalam negeri yang menggalakkan. Industri keluaran galian bukan logam dan keluaran besi dan keluli terus mendapat manfaat daripada peningkatan dalam aktiviti pembinaan dalam negeri, masing-masing berkembang 11.3% dan 18.6% (S1: masing-masing -2.% dan 12.9%). Sebaliknya, industri kelengkapan pengangkutan masih lemah bagi suku keempat berturut-turut disebabkan kesan limpahan daripada pasaran kereta terpakai yang lembap dan permintaan terhadap kenderaan baharu.

Secara keseluruhan, sektor perkilangan beroperasi pada kadar penggunaan kapasiti 75% pada suku kedua 2007 (S1: 75%). Industri berorientasikan eksport dan industri berorientasikan dalam negeri masing-masing mencatat kadar penggunaan kapasiti purata pada 76% dan 71% (S1: masing-masing 77% dan 67%).

Komoditi utama disokong oleh pertumbuhan kukuh sektor perlombongan

Prestasi **sektor komoditi utama** disokong oleh pertumbuhan kukuh sektor perlombongan (7.7%), disebabkan

Prestasi Sektor Perlombongan

	2006		2007		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga tahun 2000)	**-1.1**	**-2.0**	**-0.6**	**7.7**	**3.5**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat ('000 tong)	-4.2	-3.3	-1.9	7.6	2.7
Gas asli (bersih) (juta kaki padu standard)	-3.0	-4.5	1.1	8.0	4.4
Eksport (RM juta)					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat					
('000 tan)	-5.3	-6.3	3.2	-3.8	-0.2
(USD/tong)	31.0	35.8	-5.6	3.2	-1.4
(RM juta)	19.2	23.4	-8.6	-6.6	-7.6
Gas asli cecair					
('000 tan)	-8.5	-5.3	4.5	21.0	11.7
(RM/tan)	15.2	17.6	-0.2	6.4	2.9
(RM juta)	5.4	11.4	4.3	28.8	14.9

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Pertanian

	2006		2007		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga tahun 2000)	**3.9**	**4.9**	**2.2**	**-0.9**	**0.6**
Pengeluaran[1]					
Antaranya:					
Minyak sawit mentah	7.4	1.3	-1.4	-13.3	-8.0
Minyak isirong sawit mentah	6.7	-0.9	3.3	-13.9	-6.2
Getah	7.3	17.9	-6.9	1.2	-3.5
Biji koko	52.4	37.1	7.8	-10.5	-1.5
Ikan	6.8	7.9	5.2	2.0	3.5
Eksport (RM juta)					
Antaranya:					
Minyak sawit					
('000 tan)	-4.9	-1.4	-11.8	-5.7	-8.6
(RM/tan)	1.0	-1.7	34.0	49.6	42.5
(RM juta)	-4.0	-3.1	18.2	41.0	30.3
Minyak isirong sawit					
('000 tan)	-23.3	-34.6	40.9	32.7	36.1
(RM/tan)	-19.6	-16.4	-3.9	28.9	14.5
(RM juta)	-38.3	-45.3	35.4	71.1	55.8
Getah					
('000 tan)	5.1	4.0	-12.3	-19.6	-16.0
(Sen/kilogram)	53.9	49.0	-0.7	2.0	0.4
(RM juta)	61.7	55.0	-12.9	-18.0	-15.6
Kayu siap digergaji					
('000 meter padu)	-15.1	-17.4	-2.1	-11.3	-6.7
(RM/meter padu)	17.6	26.8	9.7	2.7	6.3
(RM juta)	-0.1	4.8	7.4	-8.9	-0.9
Kayu balak					
('000 meter padu)	-23.0	-21.2	-8.3	0.8	-3.7
(RM/meter padu)	9.9	13.8	-2.5	-4.2	-3.4
(RM juta)	-15.4	-10.4	-10.5	-3.4	-7.0
Biji koko					
('000 tan)	1.6	48.4	-13.5	42.1	6.7
(RM/tan)	1.4	0.1	4.8	10.5	8.1
(RM juta)	3.1	48.6	-9.3	57.0	15.4

[1] Dalam '000 tan, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Lembaga Koko Malaysia (MCB)
Jabatan Perangkaan Malaysia
Jabatan Perikanan Malaysia

pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang meningkat. Sementara itu, sektor pertanian mencatat prestasi yang agak lembap (0.9%) berikutan pengeluaran minyak sawit mentah yang lebih rendah pada suku kedua.

Dalam **sektor pertanian**, pengeluaran **minyak sawit mentah** merosot 13.3% kepada 3.49 juta tan (S1: -1.4%) disebabkan hasil yang rendah. Hasil tandan buah segar mencatat purata 4.17 tan sehektar pada suku kedua berbanding dengan 4.95 tan sehektar pada suku kedua 2006 kerana aktiviti tuaian, khususnya dalam negeri-negeri pengeluar utama, terjejas oleh cuaca buruk. Berikutan berakhirnya musim daun luruh pada awal bulan Mei, pengeluaran **getah** kembali pulih dan meningkat 1.2% pada suku kedua 2007 (S1: -6.9%). Harga getah yang tinggi (S2 2007: 741 sen sekilogram) menggalakkan aktiviti menoreh, khususnya dalam kalangan pekebun kecil. Sementara itu, segmen makanan terus menyumbang kepada sektor pertanian pada suku itu. Pertumbuhan telah dihasilkan oleh pengeluaran ternakan, sayur-sayuran dan ikan yang lebih tinggi. Pengeluaran ikan yang lebih tinggi disebabkan terutamanya pendaratan ikan laut, khususnya berikutan pertambahan ketara dalam pendaratan ikan tuna laut dalam.

Dalam **sektor perlombongan**, pengeluaran **minyak mentah** (termasuk kondensat) meningkat dengan kukuh sebanyak 7.6% kepada 676,282 tong sehari pada suku kedua (S2 2006: 628,341 tong sehari). Perkembangan ini disokong lagi oleh pengeluaran **gas asli** yang lebih tinggi, yang meningkat 8% kepada 5,928 juta kaki padu standard sehari, disokong oleh permintaan yang meningkat daripada syarikat penjana elektrik tempatan dan permintaan luar negeri terhadap gas asli cecair, khususnya dari Jepun dan Korea.

Sektor pembinaan terus berkembang ...

Sektor pembinaan meneruskan momentum pertumbuhannya (4.8%; S1: 4%), terutamanya disokong oleh subsektor **kejuruteraan awam** dan bukan kediaman. Sementara subsektor kejuruteraan awam disokong oleh pelaksanaan projek-projek infrastruktur yang berkaitan dengan Rancangan Malaysia Kesembilan serta projek minyak dan gas, subsektor bukan kediaman pula disokong oleh pembinaan bangunan pejabat dan ruang runcit baharu, khususnya di Lembah Kelang. Kegiatan dalam segmen **kediaman** juga meningkat sepanjang suku tersebut disokong oleh permintaan terhadap harta mewah di lokasi terpilih.

Penunjuk Pembinaan

	2006		2007		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Permit jualan dan iklan baru	-20.3	-21.9	7.7	-6.3	0.4
Kelulusan perumahan	-7.4	-29.0	-9.6	-24.8	-17.5
Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan	-0.6	-3.6	2.8	13.7	8.5
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	5.7	-12.5	81.8	103.8	94.9
Import bahan pembinaan dan bahan galian	-0.8	0.9	12.6	10.7[1]	11.8[2]

[1] April-Mei 2007
[2] Januari-Mei 2007

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Pengembangan kukuh dalam permintaan dalam negeri

Permintaan dalam negeri mencatat kenaikan kukuh 10.8% pada suku kedua (S1:8.7%) didorong oleh aktiviti sektor swasta. Sektor awam mengekalkan peranan sokongannya apabila Kerajaan Persekutuan menambah perbelanjaan pembangunannya. Seperti pada suku-suku sebelumnya, perbelanjaan penggunaan, khususnya daripada sektor isi rumah, kekal sebagai penyumbang utama bagi pertumbuhan permintaan dalam negeri pada suku kedua.

Pertumbuhan perbelanjaan **penggunaan swasta** adalah lebih kukuh pada 13.1% disokong oleh kenaikan yang mampan dalam pendapatan boleh guna dan keadaan pasaran pekerja yang stabil serta harga komoditi yang lebih tinggi. Pada masa yang sama, prestasi pasaran saham yang menggalakkan telah memperkukuh sentimen pengguna pada suku kedua. Indeks Sentimen Pengguna terkini yang dikumpulkan oleh MIER terus melebihi paras 100 mata bagi suku kelima berturut-turut. Penunjuk penggunaan utama seperti import barangan penggunaan, perbelanjaan pengguna melalui kad kredit dan pinjaman yang dikeluarkan bagi tujuan penggunaan, terus menunjukkan trend pertumbuhan positif, mencerminkan prospek bagi pengembangan aktiviti perbelanjaan pengguna.

Sementara itu **penggunaan awam** lebih tinggi dan meningkat 10.2% pada suku kedua, disebabkan perbelanjaan yang lebih tinggi terhadap emolumen, dan juga bekalan dan perkhidmatan.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga asas tahun 2000)

	2006		2007		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	7.2	7.2	7.6	7.3	7.5
Penggunaan	7.1	6.4	8.3	7.5	7.9
Sektor swasta	*7.7*	*7.2*	*8.6*	*7.9*	*8.2*
Sektor awam	*4.5*	*2.9*	*7.3*	*6.1*	*6.6*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	7.6	9.4	5.4	6.9	6.2
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	5.5	6.2	1.9	2.6	2.3
Import Barangan dan Perkhidmatan	9.2	10.5	3.5	0.5	2.0
KDNK	**6.1**	**6.0**	**5.3**	**5.3**	**5.3**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pembentukan modal tetap kasar bertambah 6.6% pada suku kedua apabila aktiviti perbelanjaan modal sektor awam dan swasta bertambah giat. Perbelanjaan modal sektor awam terus meningkat pada kadar yang kukuh seperti ditunjukkan

Keyakinan Perniagaan Meningkat, Sementara Sentimen Pengguna Kekal Mapan



Sumber: Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)

mencatat pertumbuhan dua angka yang besar lantaran menandakan pengembangan dalam kegiatan pelaburan dalam sektor perkilangan dan pembinaan.

Inflasi terus menjadi sederhana pada suku kedua

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan Indeks Harga Pengguna, terus menjadi sederhana, berpurata 1.5% pada suku kedua 2007 (S1: 2.6%). Ini merupakan kadar inflasi terendah yang pernah dicatat sejak suku ketiga 2004.

oleh pembayaran yang lebih tinggi oleh Kerajaan Persekutuan bagi perbelanjaan pembangunan. Pada suku kedua, perbelanjaan pembangunan kerajaan ditumpukan pada projek-projek yang menjana kesan pengganda yang tinggi, terutamanya bagi pertanian dan pembangunan luar bandar, penaikan taraf dan pembinaan infrastruktur yang berkaitan dengan pengangkutan dan kemudahan awam serta peningkatan dalam penyediaan perkhidmatan pendidikan. Sementara itu, aktiviti perbelanjaan modal sektor swasta berkembang dengan stabil, khususnya dalam sektor perkilangan dan pembinaan serta sektor huluan minyak dan gas. Indeks Keadaan Perniagaan MIER bagi suku kedua naik dengan nyata sebanyak 16.6 mata berbanding dengan suku sebelumnya (122.1 mata; S1: 105.5 mata). Ini menunjukkan sentimen perniagaan yang semakin menggalakkan. Penunjuk seperti pinjaman perniagaan yang diluluskan dan jualan bahan berkaitan dengan pembinaan

Sumbangan kepada Inflasi



Beberapa kategori barangan dan perkhidmatan mengalami sama ada kenaikan harga yang lebih perlahan atau penurunan harga pada suku kedua. Kadar pertumbuhan tahunan bagi kos pengangkutan menurun kepada 1.1% pada suku kedua berbanding dengan 6.1% pada suku pertama 2007, kerana tidak ada pendorong kenaikan harga baharu dalam sektor ini selepas luputnya kesan pelarasan harga keluaran petroleum runcit pada bulan Mac 2006. Harga bagi kategori makanan dan minuman tanpa alkohol naik pada kadar lebih perlahan, iaitu 2.6% pada suku kedua (S1: 3.1%). Namun, kadar inflasi restoran dan hotel, dan riadah

dan kebudayaan meningkat pada suku kedua terutamanya disebabkan oleh pelarasan harga terhadap barangan dan perkhidmatan penggunaan tertentu. Kenaikan harga ini sedikit sebanyak telah diimbangi oleh penurunan harga kategori pakaian dan kasut dan komunikasi yang berterusan. Inflasi yang lebih rendah juga disebabkan kapasiti pengeluaran yang bertambah dan tekanan persaingan dalam pelbagai pasaran barangan dan perkhidmatan.

Inflasi harga pengeluar menjadi sederhana kepada 3.9% pada suku kedua (S1: 4.3%) kerana harga bagi kategori bukan berkaitan komoditi naik lebih perlahan pada kadar 2.6% (S1: 4.9%). Sebaliknya, inflasi bagi kategori berkaitan komoditi meningkat dengan ketara sebanyak 8.3% (S1: 2.9%), mencerminkan kenaikan harga minyak mentah, minyak sawit mentah dan getah asli pada suku itu.

Keadaan Pasaran Pekerja



Imbangan Perdagangan



Pasaran pekerja masih berdaya tahan

Keadaan **pasaran pekerja** terus stabil pada suku kedua 2007 dengan tahap kekosongan pekerjaan yang tinggi dalam semua sektor ekonomi. Jumlah kekosongan baharu pada suku kedua seperti yang dilaporkan melalui Bursa Buruh Elektronik (Electronic Labour Exchange, ELX) terus tinggi, iaitu sebanyak 186,779 jawatan (S1: 193,188 jawatan). Kebanyakan kekosongan jawatan tersebut adalah dalam sektor perkilangan (bahagian sebanyak 32%), perkhidmatan (26%) dan pertanian (26%). Meskipun kebanyakan jawatan yang tersedia dalam ELX terutamanya adalah bagi pekerjaan berkemahiran rendah seperti pekerjaan asas (52%), jumlah kekosongan baharu pada tahap siswazah mencatat pertambahan tahunan ketara sebanyak 78%. Sebilangan besar kekosongan jawatan bagi siswazah adalah dalam sektor perkhidmatan (54% daripada jumlah kekosongan bagi siswazah), khususnya dalam sektor kewangan dan pendidikan. Tawaran pekerjaan bagi ahli profesional, ahli profesional bersekutu dan juruteknik juga meningkat dua kali ganda berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas. Di samping itu, jumlah penempatan pekerjaan terus pada tahap yang tinggi pada suku kedua.

Jumlah bilangan pemberhentian pekerja meningkat sedikit pada suku kedua (4,202; S1: 4,180) yang sebahagian besarnya membabitkan pekerja dalam sektor perkilangan (bahagian sebanyak 70%), khususnya dalam industri E&E (40% daripada jumlah pemberhentian pekerja), yang dilanda permintaan yang merosot, kos pengeluaran yang meningkat dan masalah kewangan. Pemberhentian pekerja sebahagian besarnya membabitkan

pengendali loji dan jentera, pemasang dan pekerja am serta pekerja pertukangan dan bidang berkaitan dengan pertukangan (63%).

Produktiviti pekerja seperti yang ditunjukkan oleh nilai jualan benar bagi setiap pekerja dalam sektor perkilangan jatuh 1.4% pada suku kedua (S1: -3.2%). Ini terutamanya disebabkan oleh prestasi jualan yang lemah (2.3%) berbanding dengan pertumbuhan guna tenaga yang lebih tinggi (3.2%). Bagi suku kedua berturut-turut, prestasi produktiviti sektor ini terjejas akibat penurunan dalam produktiviti pekerja dalam industri berorientasikan eksport (-2.8%; S1: -4.7%), disebabkan prestasi jualan yang lemah (0.9%). Sementara itu, upah benar meningkat sedikit, iaitu sebanyak 1.4%, yang menunjukkan wujudnya sedikit tekanan upah dalam sektor ini.

Eksport dan import meningkat sederhana

Akaun perdagangan mencatat lebihan sebanyak RM22.5 bilion pada suku kedua 2007 (S1: RM21.1 bilion). Pertumbuhan eksport sebanyak 1.2% mencerminkan eksport pertanian dan galian yang lebih tinggi, manakala penyederhanaan pertumbuhan import kepada 1.7% terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan import pengantara yang lebih rendah.

Akaun Perdagangan

	2006		2007		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**9.5**	**10.5**	**1.0**	**1.2**	**1.1**
Perkilangan	*10.0*	*10.3*	*1.4*	*-1.1*	*0.1*
Pertanian	*3.3*	*3.9*	*25.0*	*19.0*	*21.9*
Galian	*10.1*	*16.6*	*-7.4*	*8.4*	*0.1*
Import Kasar	**11.5**	**12.6**	**5.5**	**1.7**	**3.5**
Barangan modal	*7.9*	*16.7*	*-5.3*	*-0.5*	*-2.8*
Barangan pengantara	*7.8*	*8.0*	*9.0*	*6.3*	*7.6*
Barangan penggunaan	*12.8*	*13.4*	*8.9*	*1.3*	*5.0*
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**22.9**	**48.6**	**21.1**	**22.5**	**43.6**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Malaysia: Destinasi Eksport

	2006		2007			2006		2007			2006		2007		
	S2	ST1	S1	S2	ST1	S2	ST1	S1	S2	ST1	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion					Bahagian drpd. jumlah eksport (%)					Perubahan tahunan (%)				
Amerika Syarikat	**28.1**	**52.6**	**23.7**	**22.8**	**46.6**	**19.6**	**18.8**	**17.2**	**15.8**	**16.5**	**4.3**	**8.3**	**-3.2**	**-18.7**	**-11.5**
Kesatuan Eropah (EU)[1]	**17.6**	**33.7**	**17.7**	**19.4**	**37.1**	**12.3**	**12.1**	**12.8**	**13.4**	**13.1**	**17.5**	**14.1**	**9.7**	**9.6**	**9.6**
Negara ASEAN terpilih[2]	**37.8**	**75.2**	**35.6**	**36.0**	**71.6**	**26.4**	**26.9**	**25.8**	**24.9**	**25.3**	**12.0**	**13.3**	**-4.8**	**-4.8**	**-4.8**
Negara Timur Laut Asia	**26.2**	**51.4**	**27.8**	**28.1**	**55.9**	**18.3**	**18.4**	**20.1**	**19.4**	**19.8**	**8.8**	**8.1**	**10.2**	**7.3**	**8.7**
Republik Rakyat China	*9.9*	*18.3*	*11.2*	*11.7*	*22.9*	*6.9*	*6.5*	*8.1*	*8.1*	*8.1*	*20.3*	*12.5*	*34.6*	*18.0*	*25.5*
Hong Kong SAR	*7.3*	*14.8*	*6.3*	*6.6*	*12.9*	*5.1*	*5.3*	*4.6*	*4.5*	*4.6*	*-7.7*	*-1.1*	*-15.6*	*-10.2*	*-13.0*
China Taipei	*4.1*	*7.3*	*3.8*	*4.3*	*8.0*	*2.8*	*2.6*	*2.7*	*2.9*	*2.8*	*7.3*	*7.2*	*15.4*	*4.6*	*9.5*
Korea	*4.9*	*11.0*	*6.5*	*5.6*	*12.1*	*3.4*	*3.9*	*4.7*	*3.9*	*4.3*	*18.9*	*15.5*	*5.9*	*14.1*	*9.6*
India	**4.1**	**8.1**	**4.2**	**4.7**	**8.9**	**2.9**	**2.9**	**3.1**	**3.2**	**3.2**	**26.1**	**16.7**	**7.1**	**13.9**	**10.5**
Jumlah eksport	**143.2**	**279.9**	**138.1**	**144.9**	**283.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**9.5**	**10.5**	**1.0**	**1.2**	**1.1**

[1] Merujuk kepada Kesatuan Eropah (EU) 27 bermula dari tahun 2007
[2] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan Import



Malaysia: Import Mengikut Penggunaan Akhir Dan Klasifikasi Kategori Ekonomi Umum (BEC)

	2006		2007		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
BARANGAN MODAL	**7.9**	**16.7**	**-5.3**	**-0.5**	**-2.8**
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	2.3	8.6	-4.9	6.8	1.1
Alat kelengkapan pengangkutan	50.5	92.2	-7.7	-38.6	-23.6
BARANGAN PENGANTARA	**7.8**	**8.0**	**9.0**	**6.3**	**7.6**
Makanan dan minuman terutamanya untuk industri	28.0	28.5	4.0	11.3	7.9
Bekalan perindustrian, t.s.t.l.	0.9	1.0	24.1	22.2	23.1
Bahan api dan pelincir	40.1	30.7	8.8	-4.9	1.4
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	7.2	8.2	2.8	-1.4	0.6
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan pengangkutan	-8.3	-0.6	-18.3	8.7	-4.6
BARANGAN PENGGUNAAN	**12.8**	**13.4**	**8.9**	**1.3**	**5.0**
Makanan dan minuman terutamanya untuk penggunaan isi rumah	5.4	4.4	15.0	2.6	8.7
Alat kelengkapan pengangkutan bukan perindustrian	16.4	19.6	-12.1	2.8	-4.1
Barangan pengguna, t.s.t.l.	17.2	18.9	5.8	0.6	3.1
Barangan tahan lama	*-7.5*	*10.3*	*0.3*	*34.5*	*15.9*
Barangan separa tahan lama	*41.6*	*34.9*	*7.1*	*-20.2*	*-8.1*
Barangan tidak tahan lama	*13.8*	*12.8*	*8.0*	*3.5*	*5.7*
BARANGAN DUA GUNA	**1.0**	**10.9**	**-8.1**	**-6.2**	**-7.2**
LAIN-LAIN	**8.6**	**10.2**	**15.7**	**16.7**	**16.2**
IMPORT TERTANGGUH	**7.9**	**9.7**	**6.4**	**4.8**	**5.6**
EKSPORT SEMULA	**92.8**	**72.3**	**-6.9**	**-37.0**	**-23.4**
IMPORT KASAR	**11.5**	**12.6**	**5.5**	**1.7**	**3.5**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport kasar meningkat 1.2% pada suku kedua 2007 (S1: 1%) terutamanya didorong oleh eksport komoditi utama yang lebih tinggi dalam keadaan harga yang kukuh.

Pada suku itu, prestasi **eksport pertanian** sangat memberangsangkan, terutamanya didorong oleh peningkatan eksport minyak sawit yang ketara. Pertumbuhan yang kukuh ini disebabkan kenaikan berganda harga eksport (49.6%) kepada RM2,185 setan, didorong permintaan global yang terus tinggi terhadap minyak sawit , khususnya dari RR China, Kesatuan Eropah, India dan AS, dalam keadaan pengeluaran dalam negeri dan stok yang menurun pada suku itu. Perkembangan ini terus diperkukuh oleh kenaikan harga minyak kacang soya disebabkan peralihan secara meluas daripada tanaman ini kepada penanaman jagung di AS untuk memenuhi permintaan dalam negeri terhadap biobahan api. Keputusan India, pasaran minyak makan terbesar di dunia, untuk mengurangkan tarif atas import minyak sawit hingga menjadikannya hampir setara dengan tarif atas import minyak kacang soya juga merupakan faktor penyumbang utama kepada kenaikan harga minyak sawit yang tinggi. Eksport **galian** juga meningkat pada suku ini didorong secara keseluruhannya oleh permintaan terhadap eksport LNG yang lebih tinggi dari pembeli utama, iaitu Korea dan Jepun, di samping harga yang lebih tinggi.

Pertumbuhan **eksport perkilangan** lembap akibat eksport E&E yang lebih rendah. Perolehan eksport daripada keluaran elektronik merosot (-6.7%; S1: -2%) disebabkan permintaan terhadap komputer dan komponen yang lebih rendah, khususnya daripada pasaran AS dan kejatuhan harga separa konduktor global. Eksport

keluaran elektrik juga terjejas disebabkan peralihan oleh beberapa pengeluar daripada keluaran bernilai rendah seperti televisyen tiub sinar katod dan radio kepada produk pandang-dengar yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi. Sebaliknya, eksport keluaran berasaskan sumber terus kukuh, terutamanya disokong oleh keluaran kimia, petroleum dan makanan serta perabot dan kelengkapan.

Pertumbuhan eksport Malaysia ke negara serantau (tidak termasuk Jepun) menjadi perlahan kepada 0.2% (S1: 1.3%) sejajar dengan permintaan luar negeri terhadap keluaran E&E yang lemah. Walau bagaimanapun, eksport ini terus mencakupi bahagian yang besar sebanyak 44.3%. Prestasi eksport didorong terutamanya oleh RR China, Indonesia dan Korea, ekoran permintaan terhadap keluaran berasaskan sumber seperti keluaran berkaitan petroleum, dan keluaran kimia dan getah. Pada suku kedua 2007, eksport ke RR China, Indonesia dan Korea masing-masing berkembang 18%, 18.6% dan 14.1%.

Eksport ke Kesatuan Eropah diterajui Jerman, Belanda dan Belgium yang masing-masing berkembang 19.9%, 21.5% dan 17.8% (S1: masing-masing 21.9%, 5% dan 25.9%). Eksport terutamanya merangkumi keluaran E&E, keluaran kimia, minyak sawit, serta keluaran besi dan keluli. Eksport ke India meningkat 13.9% (S1: 7.1%), terutamanya hasil daripada permintaan yang kukuh terhadap keluaran E&E, keluaran besi dan keluli, dan minyak sawit.

Malaysia terus memperoleh komponen import dari Singapura, RR China, Thailand dan Hong Kong. Import dari negara serantau meningkat 3.1% pada suku kedua 2007, terutamanya mencerminkan import keluaran E&E, kimia dan keluaran kimia, keluaran logam, dan keluaran besi dan keluli.

Import kasar meningkat meskipun pada kadar yang lebih sederhana, iaitu 1.7% (S1 : 5.5%) Import **barangan pengantara** berkembang 6.3% (S1 : 9%) kepada RM87.9 bilion, terutamanya mencerminkan import makanan yang diproses dan minuman untuk industri, serta bekalan perindustrian asas dan diproses seperti logam, pulpa kayu dan kimia. Berikutan pertumbuhan perbelanjaan penggunaan swasta yang berterusan, import **barangan penggunaan** meningkat 1.3% (S1: 8.9%) kepada RM6.9 bilion, terutamanya didorong oleh import barangan pengguna tahan lama dan tak tahan lama seperti barangan elektrik, perabot dan ubat. Peningkatan pendapatan boleh guna yang stabil juga mendorong pertumbuhan import makanan dan minuman bagi penggunaan sektor isi rumah (2.6%; S1: 15%).

Import **barangan modal** berjumlah RM16.6 bilion. Import barangan modal, tidak termasuk barangan import besar yang diimport satu kali, berkembang 3.8% (S1: -1.3%). Pertumbuhan import kelengkapan pembinaan dan perlombongan bertambah kukuh, dirangsang aktiviti penerokaan dan hiliran sektor minyak dan gas. Import jentera, penjana, turbin dan motor elektrik juga berkembang disebabkan peningkatan aktiviti pembangunan dan naik taraf untuk penggunaan bahan api yang cekap. Sementara itu, harga pertanian yang lebih baik terus menggalakkan peningkatan kapasiti sektor ini, lantas mendorong import kelengkapan pertanian yang tinggi.

Aliran masuk pelaburan langsung asing dan portfolio yang ketara

Pada asas tunai, aliran masuk pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI) kasar meningkat dengan ketara kepada RM22.3 bilion (S1: RM7.3 bilion) terutamanya disebabkan oleh aliran masuk yang lebih besar bagi modal ekuiti dan juga pinjaman antara syarikat daripada syarikat induk di luar negeri. FDI dalam bentuk modal ekuiti adalah menyeluruh, disalurkan terutamanya kepada sektor perkhidmatan, pertanian dan perkilangan. Dalam sektor perkhidmatan, aliran masuk FDI tertumpu pada subsektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan. Aliran masuk FDI ke sektor pertanian sebahagian besarnya disebabkan

oleh pengambilalihan saham sebuah syarikat minyak sawit Malaysia oleh sebuah syarikat perladangan di Singapura. Dalam sektor perkilangan, FDI sebahagian besarnya disalurkan kepada industri makanan, industri berkaitan petroleum dan industri kimia. Sementara itu, sebahagian besar daripada pinjaman antara syarikat adalah dalam bentuk pinjaman jangka pendek yang diberikan oleh syarikat asing kepada syarikat subsidiari mereka di Malaysia, khususnya dalam subsektor perkhidmatan dan sektor minyak dan gas. Sebahagian besar daripada pinjaman ini dibayar balik pada suku yang sama. Selepas membuat pelarasan bagi aliran keluar kasar yang terutamanya disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman jangka pendek ini, FDI bersih meningkat dengan ketara kepada RM13.6 bilion (S1: RM0.8 bilion). FDI berasaskan tunai tidak termasuk perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan kelengkapan yang diimport.

Pelaburan luar negeri oleh syarikat Malaysia meningkat kepada RM26.9 bilion (S1: -RM24.8 bilion), mencerminkan terutamanya pemberian pinjaman jangka pendek yang besar oleh syarikat milik bukan pemastautin dalam sektor perkilangan kepada syarikat berkaitan mereka di luar negeri, sebahagiannya ekoran operasi perbendaharaan berpusat. Pengambilalihan saham sebuah syarikat perladangan di Singapura oleh syarikat Malaysia juga menyebabkan aliran keluar modal ekuiti yang ketara. Aliran keluar ini telah diimbangi sebahagian besarnya oleh aliran masuk yang berpunca daripada pembayaran balik pinjaman antara syarikat jangka pendek pada suku itu. Selepas membuat pelarasan terutamanya bagi pinjaman jangka pendek ini, pelaburan luar negeri mencatat aliran keluar bersih yang lebih besar sebanyak RM7.8 bilion (S1: -RM3.8 bilion). Sebahagian besar pelaburan luar negeri dibuat oleh syarikat dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan minyak dan gas. Dalam sektor perkilangan, pelaburan luar negeri terutamanya disalurkan kepada industri perladangan, industri E&E dan industri berkaitan petroleum. Sementara itu, pelaburan luar negeri oleh sektor perkhidmatan diterajui syarikat dalam subsektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan serta telekomunikasi.

Pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM14.5 bilion (S1: RM27.4 bilion), mencerminkan terutamanya aliran masuk ekuiti dan sekuriti hutang. Aliran masuk dana portfolio yang berterusan mencerminkan sentimen positif pelabur disebabkan asas-asas ekonomi yang lebih teguh dan jangkaan perolehan korporat yang lebih kukuh.

Hutang luar negeri dalam tahap berhemat

Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM181.9 bilion atau USD52.2 bilion pada akhir bulan Jun 2007 (S1: RM178.9 bilion atau USD51.3 bilion), bersamaan dengan 32% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK). **Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** adalah lebih rendah pada RM135 bilion, mencerminkan pembayaran balik bersih pinjaman luar negeri oleh sektor awam

Hutang Luar Negeri Terkumpul



[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2006	2007	
	S2	S1	S2[a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana dan panjang	150.1	139.5	135.0
Sektor awam	86.2	73.8	70.8
Sektor swasta	63.8	65.7	64.2
Hutang jangka pendek[1]	48.7	39.4	46.9
Jumlah hutang luar negeri	198.7	178.9	181.9
- Bersamaan USD bilion	53.6	51.3	52.2

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

dan swasta. Pembayaran balik pinjaman bersih yang lebih tinggi oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) (-RM2.3 bilion: SI: -RM0.2 bilion) terutamanya disebabkan oleh bon denominasi USD yang diterbitkan sebuah syarikat dalam sektor utiliti telah matang dan prabayaran hutang luar negeri oleh sebuah syarikat telekomunikasi. Sementara itu, Kerajaan Persekutuan mencatat pembayaran balik bersih yang lebih kecil sebanyak RM0.1 bilion (S1: -RM0.4 bilion). Sektor swasta mencatat pembayaran balik bersih sebanyak RM1.4 bilion (S1: +RM0.03 bilion) terutamanya disebabkan oleh bon denominasi USD yang diterbitkan oleh sebuah syarikat kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan telah matang dan beberapa prabayaran pinjaman oleh syarikat dalam sektor minyak dan gas, pertanian dan pengangkutan untuk mengurangkan pendedahan hutang mereka.

Jumlah **hutang luar negeri jangka pendek** meningkat kepada RM46.9 bilion atau USD13.4 bilion (S1: RM39.4 bilion), mencerminkan pinjaman jangka pendek yang lebih tinggi oleh sektor perbankan. Pada akhir bulan Jun, pinjaman luar negeri jangka pendek mencakupi 25.8% daripada jumlah hutang luar negeri dan ialah 13.8% daripada rizab antarabangsa bersih.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM339.8 bilion atau bersamaan dengan USD98.4 bilion pada akhir bulan Jun 2007. Paras rizab ini mengambil kira penambahan nilai rizab disebabkan penilaian semula suku tahunan, berikutan pengukuhan beberapa mata wang utama berbanding dengan ringgit pada suku itu. Rizab berjumlah RM339.7 bilion atau bersamaan dengan USD98.4 bilion pada 15 Ogos 2007. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 8.9 bulan import tertangguh dan ialah 8.7 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Kewangan Kerajaan Persekutuan mencatat lebihan

Jumlah perbelanjaan kasar meningkat pada kadar tahunan sebanyak 15.7% pada suku kedua 2007 (S1: 38.7%), terutamanya disebabkan oleh pembayaran segera oleh Kerajaan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang mengikut jadual. Hasil meningkat dengan sederhana pada suku kedua apabila Kerajaan mempertingkatkan usaha pungutan cukai. Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mencatat lebihan keseluruhan sebanyak RM3.6 bilion atau 2.4% daripada KDNK, berbanding dengan lebihan fiskal sebanyak 4.6% daripada KDNK bagi tempoh yang sama tahun sebelumnya. Pada suku itu, dana diperoleh keseluruhannya daripada sumber dalam negeri. Menjelang akhir bulan Jun 2007, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan sebanyak RM260 bilion atau 42.6% daripada anggaran KDNK.

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2006		2007		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
Hasil	33.0	57.3	24.2	34.2	58.4
% pertumbuhan	*24.2*	*19.9*	*0.1*	*3.5*	*2.0*
Perbelanjaan mengurus	21.6	38.9	21.7	24.8	46.5
% pertumbuhan	*-7.7*	*-1.0*	*25.2*	*14.7*	*19.4*
Akaun semasa	**11.4**	**18.3**	**2.5**	**9.4**	**11.9**
% daripada KDNK	***8.2***	***6.7***	***1.8***	***6.3***	***4.1***
Perbelanjaan pembangunan kasar	5.2	7.4	5.3	6.2	11.6
% pertumbuhan	*-12.2*	*-15.6*	*148.4*	*19.6*	*57.0*
Imbangan keseluruhan	**6.4**	**11.3**	**-2.6**	**3.6**	**1.0**
% daripada KDNK	***4.6***	***4.1***	***-1.8***	***2.4***	***0.3***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan kasar	26.8	46.3	27.0	31.0	58.0
% pertumbuhan	*-8.6*	*-3.6*	*38.7*	*15.7*	*25.4*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	240.2	240.2	250.0	260.1	260.1
% daripada KDNK	*42.0*	*42.0*	*40.9*	*42.6*	*42.6*
Hutang dalam negeri	211.1	211.1	225.9	236.3	236.3
% daripada KDNK	*36.9*	*36.9*	*37.0*	*38.7*	*38.7*
Hutang luar negeri	29.1	29.1	24.1	23.8	23.8
% daripada KDNK	*5.1*	*5.1*	*3.9*	*3.9*	*3.9*

[a] Awalan